



TEKS UCAPAN

**YBHG. LT JEN DATUK HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI JALAL
NAIB CANSELOR**

SEMPENA

UCAPTAMA NAIB CANSELOR TAHUN 2020

11 MAC 2020 (RABU)

DEWAN THEATRETTE, BANGUNAN LESTARI

TEMA:

TAHUN 2020 - MEMPERKUKUH HALA TUJU UNIVERSITI

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

**ASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
DAN SALAM SEJAHTERA**

Yang Mulia Profesor Emeritus Dato' Dr. Tengku Mohd bin Tengku Sembok,

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa

Yang Berbahagia Mej Prof. Ts. Dr. Muhd Zu Azhan bin Yahya,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Yang Berbahagia Brig Jen Prof. Ir. Dr. Norazman bin Mohamad Nor,

Pemangku Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Jesbil Singh

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat),

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Ahmad Mujahid bin Ahmad Zaidi,

Penolong Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Brig. Jen. Dato' Hj. Saharuddin bin Mansor TUDM

Komandan, Akademi Latihan Ketenteraan

Pegawai-pegawai kanan UPNM dan ALK, Dekan-dekan, Pengarah-Pengarah, professor, akademia, serta pegawai dan staf pentadbiran sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur kita tawadukkan ke hadirat Allah Rabbul Izzati, atas kurniaan ruang masa dan peluang untuk kita sama-sama hadir di Majlis Ucaptama Naib Canselor bagi tahun 2020 pada hari ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wa Sallam, ahli keluarga serta para sahabat Baginda. Sama-sama kita rafakkan doa, semoga seluas-luas hikmah mengiringi kita dalam meneruskan usaha perencanaan kecemerlangan bagi tahun 2020 ini, dan tahun-tahun seterusnya.

Hadirin sekalian,

2. Pertamanya, saya memohon supaya setiap daripada kita yang hadir pada pagi ini, untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada ucaptama yang akan saya sampaikan. Isi ucapan ini akan saya kupas bermula dari asas dan aspirasi kewujudan Universiti ini, yang amat penting untuk kita sama-sama selami dan hayati secara tuntas. Lebih-lebih lagi, ia melibatkan relevansi dan masa hadapan Universiti kita yang tercinta ini, yang selama ini kita sanjung tinggi, dan kita banggakan sebagai sebuah Universiti butik.

3. Pada tahun ini, ucaptama saya mengangkat tema “TAHUN 2020 – MEMPERKUKUHKAN HALA TUJU UNIVERSITI”. Tema ini mungkin nampak klise dari sudut pandang sintaksis bahasa, bukan kata-kata manis yang muluk-muluk, bukan juga tajuk yang aneh atau disulam kosa kata ‘jargon’. Tetapi melihat dari sudut pandang ‘SURVIVAL’ organisasi, saya yakini, signifikan semantik-nya tidak dapat disangkal dengan apa jua hujah sekali pun. Saya hasratkan ucaptama tahun ini bersifat inklusif, kerana tunjang aspirasinya adalah untuk dikongsi bersama-sama warga akademik, pentadbir, sokongan, serta mahasiswa. Ringkasnya, kita, seluruh warga Universiti inilah instrumen utama dalam membentuk sinergi dan kesatuan dalam merencanakan agenda pelan strategik Universiti.

4. Oleh itu, ucaptama yang bakal saya sampaikan pada pagi ini, bukan untuk tujuan pencerahan, pemahaman dan penghayatan kepada pihak pengurusan Universiti semata-mata, tetapi beban pemahaman dan penghayatan itu adalah tanggungjawab bersama-sama, iaitu kita semua.

RELEVANSI UPNM

Hadirin sekalian,

5. Bila bicara tentang relevansi, tentunya kita tidak boleh lari daripada menidakkan perasaan risau atau kluatir; atau dalam bahasa moden-nya jika boleh saya istilahkan sebagai 'RISIKO'. Kita sandarkan punca RISIKO itu atas hipotesis, bahawa negara tidak akan mampu menampung Universiti Awam yang tidak relevan dan tidak ada kekuatan tersendiri. Ini bukan satu imaginasi yang melampau, tidak juga diungkap untuk menimbulkan situasi gusar, tetapi ada kewajaran untuk kita layan sebagai satu risiko dengan potensi berat dan mesti diambil peduli. Atas keperluan mustahak itu, satu program Wacana Harmoni UPNM telah dianjurkan pada 8 hingga 10 Januari yang lalu. Tujuannya adalah untuk ahli pengurusan tertinggi Universiti menjana idea dan pandangan, serta mengambil keputusan konsensus demi melihat Universiti ini kekal relevan dengan berpandukan kepada asas kewujudannya.

6. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada tahun ini akan menjangkau usia 14 tahun. Jika boleh saya sebutkan analoginya dalam konotasi yang positif, usia Universiti ini seumpama seorang manusia yang meningkat remaja, bersemangat dan bersedia untuk meneroka seribu satu peluang, berani mencuba sesuatu yang baru dan asing. Semangatnya berkobar-kobar, momentumnya pada tahap yang sangat tinggi. Itulah kita, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

7. Kita tidak gentar untuk meneroka ruang dan peluang, yang tersedia mahu pun yang di-inisiatifkan secara bersama-sama. Kita akui, Universiti ini kecil, dengan jumlah populasi yang tidak begitu besar. Tetapi kewujudan kita ini unik, malahan dalam keadaan itu, kita giat merencana pelbagai usaha, sehingga kita meraih pelbagai kejayaan dalam tempoh 14 tahun ini. Lihat sahaja pencapaian yang telah kita gapai pada tahun 2019, antaranya:

- i. Data awal peratus kebolehan pasaran graduan, menunjukkan kita berada di puncak carta, dengan pencapaian 97 peratus;
- ii. Dalam bidang sukan, kita hebat dalam pelbagai kejohanan peringkat Universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa. Kita ada atlet yang telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di

Kejohanan Sukan SEA Filipina 2019 dalam sukan karate. Baru-baru ini juga, buat pertama kalinya Kontinjen UPNM berjaya menduduki tempat ke 2 daripada 20 Universiti Awam yang bertanding di Karnival Sukan MASUM Fasa 1;

- iii. Begitu juga hebatnya penglibatan dan pencapaian para pelajar kita dalam bidang serta aspek kepimpinan, kesukarelawanan, kebudayaan, dan keusahawanan;
- iv. Kita giat menjalin kerjasama dan hubungan baik dengan pihak industri dan institusi terkemuka dari dalam dan luar negara;
- v. Kita unggul dalam bidang penyelidikan dan inovasi, kejayaan kita di pameran Malaysia Technology Expo (MTE) 2019, 30th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2019, International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA 2019), International Trade Fair Ideas Inventions New Products (iENA) 2019 (Nuremberg, Jerman) dan lain-lain adalah manifestasinya;
- vi. Dalam jurnal berindeks SCOPUS bagi 'World Publication in Defence Niche', kita berada di carta, menduduki tempat ke 19 daripada 124 universiti dan organisasi dari seluruh dunia;
- vii. Begitu juga, siri kejayaan kita dalam pelbagai pendaraban pada tahun 2019.

8. Syukur Alhamdulillah, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan semua seluruh warga Universiti yang telah bertungkus-lumus dalam meraih kejayaan ini. Dengan kelebihan ini, kita pasti berupaya meletakkan Universiti ini di dalam status yang berbeza. Biarlah kita dikenali atas keabsahan serta prestij sebagai institusi ilmu berautoriti, bukan atas sebab-sebab yang salah atau negatif. Sebagai contoh, kita berbangga kerana ada di antara pencapaian dan amalan UPNM dijadikan penanda aras (benchmark) oleh Universiti atau organisasi lain.

9. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 14 tahun perjalanan Universiti ini, bukan semuanya indah belaka. Sebagaimana kita semua sedia maklum, beberapa kejadian duka telah berlaku di Universiti ini.

Malahan ada diantaranya yang telah menjejaskan dan mencalar imej Universiti. Namun begitu, saya ingin mengajak hadirin sekalian, usah kita terus dibuai rasa kesal. Sebaliknya hendaklah kita teladani pengalaman lalu, kita ambil ibrah-nya untuk kita sempadani, dan sama-sama memandang ke hadapan, membina dan memperbaiki semula imej kita.

Hadirin sekalian,

10. Dalam keghairahan meneroka sebanyak mungkin peluang melalui fasa kedewasaan Universiti, saya dan barisan pengurusan Universiti berpandangan, terdapat kewajaran yang amat mustahak, untuk kita patuh dan mendasar kepada asas kewujudan universiti ini. Atas premis itu, kita perlu memandang ke belakang sedikit, iaitu melihat kepada asas tertubuhnya Universiti ini. Sebagaimana termaktub dalam Warta Kerajaan: Perintah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Pemerbadanan) 2006, dengan jelas dinyatakan bahawa UPNM ditubuhkan:

“...bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang pertahanan dan ketenteraan...”

11. Maka itu, wajarlah untuk kita patuh dan kita jajarkan perkembangan Universiti ini bersandarkan kepada prinsip asas kewujudan universiti demi mengekalkan relevansi kita. Dalam masa yang sama, tuntutan sebagai gapura ilmu, dan tuntutan untuk kekal dengan asas kewujudan saya yakini adalah dua strata yang sama-sama penting, yang semoleknya seiringan. Kita mahu Universiti ini meneruskan fitrah dinamika sebagai institusi ilmu, sumber pelita dan harapan masyarakat serta negara, serba boleh, sesuai dengan aturan amalan ilmu yang beroperasi secara universal. Oleh sebab itu, bidang pertahanan dan ketenteraan telah kita kembangkan, sesuai dengan persekitaran ilmiah dan keperluan negara, dan kita rangkumkan *niche* ‘keselamatan’ dalam kurikulum akademik, penyelidikan dan inovasi, serta khidmat perundingan kita. Dengan itu juga, kita sandarkan usaha melonjakkan signifikan Universiti ini berdasarkan aspirasi mutakhir negara, menerusi pemegang taruh kita iaitu Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pertahanan.

PENGUKUHAN HALA TUJU UPNM

12. Saya dan pengurusan tertinggi Universiti telah mengadakan pelbagai siri perbincangan, disusuli dengan penilaian risiko dengan penuh berhati-hati. Secara konsensusnya, dipersetujui bahawa prakarsa konkrit melalui pelan strategik dan langkah mitigasi yang jitu mesti diambil. Hasil daripada resolusi Wacana Harmoni 2020, saya telah membentangkan usul Cadangan Hala Tuju UPNM dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti yang telah bersidang pada 13 Februari 2020 yang lalu. Izinkan saya menerangkan serba ringkas tentang hala tuju tersebut merangkumi 3 perkara pokok, iaitu:

Pertama: Meningkatkan Peratusan Pegawai Kadet

13. Amanat Kementerian Pertahanan pada tahun 2006 menetapkan nisbah pengambilan pelajar UPNM adalah **80% Pegawai Kadet dan 20% pelajar awam**. Namun begitu, statistik terkini pelajar peringkat sarjana muda menunjukkan perbezaan nisbah yang sangat ketara, iaitu **32% Pegawai Kadet dan 68% pelajar awam**.

14. Dalam hal ini, pihak pengurusan UPNM berpandangan perlunya intervensi strategik bagi menyelaraskan dan mengimbangi semula nisbah ini agar UPNM dapat terus kekal relevan dan tidak tersasar daripada asas penubuhannya. Justeru, dengan mengambil kira pelbagai wajaran dan pertimbangan rasional, maka dipersetujui bahawa UPNM akan meningkatkan bilangan pelajar sehingga mencapai jumlah maksimum **5300 orang**. Jumlah ini merangkumi **3500 pelajar sarjana muda** dengan nisbah **60% Pegawai Kadet dan 40% pelajar awam**. Keputusan ini kita dasari kepada Kelulusan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 21 Jun 2006 terhadap Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Nombor 462/2513/2006 petikan di para 35, iaitu:

“...UPNM akan mengekalkan enrolmen seramai 5,300 orang pelajar setiap sesi bagi memastikan keunikan dan kecemerlangannya...”

15. Alhamdulillah, barisan Lembaga Pengurusan Universiti senada dan bersetuju dengan hala tuju ini, dan beberapa pelan tindakan telah dirancang mulai tahun 2020 hingga 2023 agar perkara ini dapat

direalisasikan. Ini juga bergantung kepada kesesuaian dan ketersediaan fasiliti yang kondusif dan mencukupi. Perkara ini sedang diusahakan oleh pihak Universiti, termasuk strategi pengambilan pelajar, keperluan bilik asrama, dan lain-lain. Dalam fasa pelaksanaan hala tuju ini, saya menyeru hadirin sekalian, untuk bersedia dan kekal bersama-sama agar apa jua perubahan dapat kita serap dan adaptasi dengan efisien.

Kedua: Penyertaan Pelajar Program Diploma Menganggotai Askar Wataniah dan Penyertaan Wajib PALAPES bagi Pelajar Program Sarjana Muda

16. Saya juga telah membentangkan hala tuju untuk memperkukuhkan semula keanggotaan pelajar sarjana muda dalam Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES). Untuk makluman semua, berdasarkan statistik semasa, hanya **50% (787 orang)** daripada **1573 orang pelajar Sarjana Muda tahun 1 hingga 3** yang menganggotai PALAPES.

17. Justeru, melihat kepada asas kepada keperluan sebagai sebuah Universiti yang berfokus, kita berpandangan perkara ini wajar diperkasakan semula. Ia juga selari dan bertepatan dengan hasrat UPNM untuk sama-sama menyumbang dan mendukung aspirasi negara dalam memperkasakan konsep Pertahanan Menyeluruh (atau HANRUH) yang dihasratkan melalui Kertas Putih Pertahanan (KPP).

18. Kita yakin, bahawa sekiranya semua pelajar awam diberi peluang untuk menganggotai PALAPES dan Askar Wataniah, ia akan dapat menjadi penyumbang kepada pelaksanaan HANRUH, sekaligus akan dapat meletakkan UPNM sebagai Universiti Awam contoh dalam penerapan konsep ini.

19. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang diperhalusi oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia, terutamanya penetapan kuota pengambilan PALAPES yang bakal diberikan kepada semua Universiti. Insya Allah, kita berharap apa yang kita rencanakan untuk PALAPES UPNM akan dipertimbangkan oleh pihak ATM.

Ketiga: Cadangan Pembinaan Kampus Satelit UPNM

20. Untuk makluman semua, UPNM telah mendapat tawaran untuk membangunkan kompleks pendidikan di atas tanah Kerajaan Negeri

Perak. Seajar dengan hasrat untuk membangunkan kampus satelit di Port Dickson dan Lumut, pihak Universiti berpandangan bahawa peluang ini perlu diambil bagi tujuan tersebut.

21. Justeru, kampus satelit UPNM dicadangkan untuk dibangunkan di lokasi yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Perak dan diunjurkan akan dapat menampung seramai 2,500 orang pelajar melalui penawaran program akademik secara berfasa.

22. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah Universiti secara dasarnya tiada halangan terhadap cadangan ini. Namun kita akur dengan kekangan peruntukan dan oleh itu, Insyaa Allah cadangan ini akan dilaksanakan apabila UPNM mendapat kelulusan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan sekiranya peruntukan kewangan yang mencukupi diperolehi.

23. Selain daripada tiga perkara pokok hala tuju ini, terdapat beberapa lagi cadangan hala tuju yang masih diperbincangkan. Antaranya, pelan penstrukturan semula organisasi yang akan melibatkan beberapa perubahan. Ini adalah demi memastikan urusan tadbir Universiti dapat berjalan dengan lebih efektif, efisien dan mampan, seiring dengan keperluan semasa. Perkara ini sedang diperhalusi dan Insyaa Allah, ia dijangka akan dapat dimuktamadkan sebelum pertengahan tahun ini.

24. Saya berkomitmen bahawa apa sahaja resolusi dan keputusan yang diambil akan dikongsikan dan diuar-uarkan kepada seluruh warga UPNM.

BUDAYA UNIVERSITI BERDISIPLIN DAN KONDUSIF

25. Sebagai sebuah Universiti butik dan unik, saya berkehendakkan Universiti kita ini sentiasa dikenali dan dihormati sebagai Universiti bitara yang membudayakan disiplin sebagai teras. Bukanlah ia bermaksud Universiti ala-tentera, tetapi yang lebih penting, kita ada obligasi untuk menentukan budaya dan persekitaran disiplin sentiasa menjadi amalan. Kita perlu bersama-sama mengekal dan mengukuhkan sebatian disiplin dan UPNM sebagai darah daging kita. Sesiapa sahaja yang keluar atau masuk ke Universiti ini, itulah vista persekitaran Universiti kita, ketetapan kita, budaya kita, warisan kita yang akan diperturunkan pula kepada sesiapa sahaja yang akan menjadi warga UPNM kelak. Ini

juga selari dengan *tagline* yang telah saya gagaskan sejak saya mula menjejakkan kaki ke universiti ini; iaitu #SAYANGI-UPNM-KITA.

26. Dalam hal yang sama, kita juga mestilah komited untuk mewujudkan persekitaran kondusif bagi aktiviti intelektual, pembangunan sahsiah serta kepimpinan pelajar. Keperluan, proses, kaedah dan metodologi pengajaran dan pembelajaran mestilah diusahakan agar kita mencapai spektrum penuh dan boleh bersaing di peringkat lokal dan juga global. Insyaa Allah, ini sedang diusahakan melalui pelan strategik pembangunan *sustainable campus* atau kampus pintar, sejajar dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

PENDIDIKAN DIPACU NILAI

27. Universiti menanggung amanah melahirkan insan mulia bersahsiah unggul, warganegara Malaysia yang jiwa raganya luhur, dengan ketinggian intelek serta jati diri. Ringkasnya, kita mahu graduan Universiti ini memiliki keseimbangan dari segi akhlak, minda, dan sahsiah. Berbicara soal budaya nilai hidup, kita harus akui dan ingat, sebesar dan se-gah mana sekalipun pencapaian, jika ia tidak diseimbangkan dengan kedua-dua elemen ini, maka ia bakal menatijahkan kemusnahan kehidupan manusia atau alam. Di zaman ledakan Revolusi Industri 4.0 yang sedang mengambil tempat, penemuan teknologi dan sains terkini serta canggih sering dirujuk sebagai petunjuk kepada pencapaian manusia. Namun, kita mesti sedar dan akui, sains dan teknologi bukanlah jawapan mutlak kepada penyelesaian masalah manusia.

28. Alhamdulillah, dalam hal ini, hasrat kita untuk melengkapkan para pelajar dengan kedua-dua elemen intelek dan nilai telah kita rangkumkan di UPNM melalui 6 ciri-ciri *Intellectual Leaders of Character*. Melaluinya, kita hasratkan para graduan yang lahir daripada Universiti ini dilengkapi bukan sahaja dengan persona unggul dengan ciri-ciri kepegawaian, tetapi juga *end-state* yang kita impikan agar mereka muncul sebagai 'insan budiman'. Hasrat ini begitu hebat asasnya, kerana kita tidak mahu graduan kita memiliki ketinggian intelek, tetapi rapuh nilai jati diri sehingga tergolong sebagai penyumbang kepada statistik salah laku jenayah, atau menjadi ahli masyarakat yang pasif tanpa ada apa-apa sumbangan.

29. Kita mesti buang jauh-jauh perasaan curiga skeptikal sesetengah pihak, yang ragu-ragu dan mengatakan bahawa graduan kita ini rata-rata hanya ada 3 hingga 5 tahun sahaja di UPNM. Oleh itu, bagaimana mungkin kita dapat menerapkan dan menentukan mereka memiliki jati diri sebagai seorang yang memiliki nilai-nilai murni, beramanah dan berintegriti? Malahan kita tidak tahu apakah pengakhiran pembawaan diri mereka di alam pekerjaan nanti. Apakah yang akan berlaku apabila mereka ini nanti berjawatan tinggi, dan menghadapi cabaran, godaan atau desakan yang nyata bertentangan dengan norma fitrah seorang intelek? Persoalan ini, pada hemat saya ada logiknya. Tetapi, dengan ikhlas hati saya ingin meyakinkan para hadirin sekalian, sekiranya itu berlaku, sudah tentulah ia di luar bidang kuasa dan jangkauan kita. Bak kata pepatah, 'dalam setandan pisang, tentu ada sebiji yang busuk'. Namun begitu, dengan niat tulus suci, seboleh-bolehnya kita berusaha sehabis baik, agar asas nilai murni paling kukuh kita pasakkan dalam diri para pelajar.

30. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Universiti akan melaksanakan penganugerahan sijil kepada para pelajar yang berjaya memenuhi kriteria enam atribut *Intellectual Leaders of Character*. Modul pelaksanaan penganugerahan sijil ini sedang dalam proses untuk dimuktamadkan dan kita jangka akan mula dilaksanakan pada semester ini.

KEWUJUDAN UNIVERSITI PENUH MAKNA

31. Eksklusiviti sebagai sebuah gedung ilmu membawa satu amanah dan peranan suci yang penuh makna. Apa yang saya maksudkan dengan universiti yang penuh makna; ialah, mempromosikan ilmu dan meraikan kecemerlangan sebagai cara untuk memaksimumkan manfaat kepada masyarakat dan negara.

32. Universiti ini saya sifatkan memiliki sumber daya intelek yang tidak terhad, sentiasa bercambah melalui wacana ilmiah. Wacana ilmu saya takrifkan sebagai sebahagian 'jiwa dan raga' akademik. Atas dasar itu, saya berkehendakkan agar para akademik berkomitmen dalam memugar ilmu, dan wacana ilmiah seumpamanya syarahan perdana, sewajarnya dipergiatkan, sebagai sumber wahana perkongsian dalam pelbagai rentas disiplin ilmu. Selain itu, kita juga perlu terus melipat gandakan usaha meningkatkan 'visibility' Universiti, menerusi

pengukuhan peranan sebagai autoriti pemikir, katalis teknovasi dan khidmat konsultansi dalam *niche* kita.

Hadirin sekalian,

33. Sekali lagi ingin saya zahirkan ingatan yang kerap saya utarakan; kita, warga Universiti adalah komuniti eksklusif sebuah institusi yang dilihat sebagai pembina dan pelindung peradaban, serta penanda aras kemajuan negara. Oleh itu, usah kita terperangkap dengan dogma lapuk. Segala beban atau isu-isu harian yang kita hadapi adalah lumrah. Tetapi kuncinya di sini, kita mestilah terus meletakkan fokus yang jelas dan mestilah berupaya menolak ke tepi segala isu trivial yang tidak penting.

34. Dalam perjalanan menuju kecemerlangan, Universiti pasti akan bertemu simpang siur dan liku-liku. Kita akan sentiasa menghadapi cabaran, dan kita alu-alukannya kerana itulah peluang atau titik pemula yang mungkin menyentak kita untuk bangkit dan sentiasa progresif. Tetapi apa pun getir cabaran yang dihadapi, ia sewajibnya tetap tidak mengubah asal susur galur kewujudan Universiti yang kita sayangi ini.

35. Marilah sama-sama kita jujur dan amanah dalam melunasi tanggungjawab paling besar, iaitu demi melahirkan putera puteri bangsa yang akan terus memegang erat janji mempertahankan kemerdekaan, maruah, kedaulatan negara.

36. Akhir kalam, saya mengajak seluruh warga Universiti, untuk mendakap kemas iltizam suci yang diamanahkan, memperhebat rentak kecemerlangan, memantapkan kepimpinan dalam aturan saf yang kukuh, dan merantai jalinan permuafakatan serta semangat satu hati sebagai landasan menuju puncak jaya. Kita berdoa, semoga segala keringat kita demi Universiti, masyarakat, agama, bangsa dan negara, akan tercatat sebagai pahala dalam perjalanan menuju pengakhiran husnul khotimah yang kita semua dambakan. Amin Ya Allah Ya Mujib.

37. Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

KEWAJIPAN. MARUAH. INTEGRITI